

Lahir generasi seimbang duniawi, ukhrawi: Najib

» Keseimbangan bentuk masyarakat cemerlang, berakhlak mulia

Oleh Ziauddin Sharuddin
zia@bh.com.my

► Bandar Baru Nilai

Datuk Seri Najib Razak menegaskan bahawa usaha melahirkan generasi yang menghayati Islam secara menyeluruh dan pada masa yang sama, menguasai sains serta teknologi adalah sebahagian daripada agenda pendidikan negara.

Perdana Menteri berkata, keseimbangan dari segi duniawi dan ukhrawi penting kerana kemajuan dan cabaran abad ke-21 menimbulkan masalah sosial, sekali gus menyebabkan keperluan terhadap pembentukan akhlak mulia semakin mendesak.

Katanya, umat Islam akan menang jika mengasingkan duniawi dan ukhrawi seperti mengutamakan duniawi dan meninggalkan ukhrawi.

"Kepincangan membentuk masyarakat berakhlak mulia samalah seperti membuat kerosakan di muka bumi ini,"



Najib beramah mesra dengan pelajar sambil diperhatikan Rosmah pada majlis perasmian Kompleks Kolej PERMATA Insan, USIM, Nilai, semalam. [FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

katanya ketika merasmikan Kompleks Kolej PERMATA Insan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

Yang turut hadir Penaung Program PERMATA yang juga Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, dan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

Terima 48 pelajar perintis Kolej PERMATA Insan di kawasan seluas 4.8 hektar, menerima pelajar perintis seramai 48 orang pada 17 Januari

tahun lalu dan kini mempunyai seramai 113 pelajar.

Najib berkata, Islam juga tidak membezakan ilmu wahyu dan juga pengetahuan untuk manusia menjadi khalifah di muka bumi ini.

Katanya, sejarah membuktikan tamadun Melaka yang hebat akhirnya tumbang kepada Portugis yang datang dengan hanya tiga buah kapal.

"Ketika tentera Melaka bersenjatakan lembing dan keris, tentera Portugis pula datang dengan teknologi ketenteraan yang lebih hebat seperti meng-

gunakan meriam," katanya.

Lahir generasi cemerlang

Sehubungan itu, katanya Program PERMATA Insan sebagai tepat pada masa kerana bukan hanya untuk melahirkan generasi cemerlang dari segi akademik, tetapi juga menjadi pemimpin masa hadapan yang mempunyai kesungguhan untuk berjaya di dunia dan akhirat.

"Mereka akan menjadi insan yang pandai, tetapi kepandaian itu adalah berdasarkan al-Quran dan sunnah," katanya.